

NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM CHEE KEONG

TARIKH : 26 OKTOBER 2016

RUJUKAN : 9322

SOALAN:

Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah jumlah bayaran telah dibayar kepada Bestinet untuk urusan pekerja asing dan untuk tugas apa, serta bila pembayaran bermula. Apakah anggaran pembayaran untuk tahun 2016-2018 setiap tahun.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Syarikat Bestinet dilantik oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk melaksanakan modul BioMedical dan eVDR melalui Foreign Worker Centralized Management System (FWCMS) pada bulan Ogos 2015.

Modul BioMedical merupakan proses pemeriksaan kesihatan yang diwajibkan ke atas semua bakal pekerja asing ke Malaysia yang dijalankan di pusat-pusat perubatan berakreditasi di negara-negara sumber sebelum kemasukan ke Malaysia. Pemeriksaan ini melibatkan proses pengesahan kehadiran dan kelayakan, maklumat demografik, maklumat waris, pemeriksaan kesihatan, serta penghantaran maklumat secara atas talian kepada pangkalan data Jabatan Imigresen (JIM). Modul ini akan memastikan pekerja yang tiba di Malaysia adalah bebas dari sebarang penyakit.

Modul eVDR pula membolehkan proses permohonan visa dengan rujukan (VDR) dibuat secara atas talian oleh majikan atau wakil syarikat yang dilantik tanpa mengemukakan dokumen secara manual. Laporan kesihatan, sijil induksi dan pembelian insurans mandatori pekerja asing akan disahkan melalui sistem sebelum kelulusan VDR diberikan. Modul ini juga membolehkan permohonan gantian VDR bagi pekerja asing dan bayaran fi visa kepada kerajaan dilakukan secara atas talian.

Melalui penguatkuasaan modul BioMedical dan eVDR ke atas semua permohonan kemasukan calon pekerja asing ke Malaysia, tempoh masa pemprosesan kelulusan dapat dikurangkan kerana tiada kemasukan data secara manual, manipulasi di peringkat pekerja asing, ejen majikan dan pegawai imigresen dapat dikurangkan secara berkesan.

Sistem ini dibangunkan dan dikendalikan oleh Syarikat Bestinet tanpa sebarang kos kepada kerajaan. Mana-mana pekerja asing yang ingin bekerja di Malaysia diwajibkan untuk menjalani kedua-dua modul berkenaan dengan kadar caj RM100.00 bagi setiap seorang.